

## Program robotik, digital di 270 sekolah di FELDA

Oleh Luqman Arif Abdul Karim - Januari 12, 2022 @ 4:11pm

[luqman.arif@bh.com.my](mailto:luqman.arif@bh.com.my)



- Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Program Hab Pengeluar Digital, Pengekodan dan Robotik di 270 sekolah di kawasan rancangan FELDA diyakini berupaya memacu potensi pelajar, selain mewujudkan modal insan dalam kalangan generasi baharu yang berdaya saing.

Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata inisiatif berkenaan bertujuan menyediakan dan menyokong landskap pendidikan digital dalam kalangan murid sekolah kebangsaan dan menggalakkan aktiviti pembuatan digital, penyebaran dan penguasaan ilmu pengetahuan berteraskan inovasi digital.

Beliau berkata, program itu akan menjadi sebahagian aktiviti kokurikulum yang dijalankan melalui kelab robotik sekolah dan mampu menjadi platform untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar.

"Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan sumbangan dana daripada badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan FELDA, warga dan generasi FELDA untuk membekalkan kelengkapan asas robotik dengan nilai RM15,000 bagi setiap sekolah yang terbabit.

"Sehingga kini, sejumlah RM240,000 diterima bagi menjayakan inisiatif ini di 16 sekolah projek rintis. Sumbangan daripada NGO dan individu yang disalurkan melalui Yayasan FELDA ini akan melayakkan penyumbang menerima pengecualian cukai.

"Aspek penyediaan kelas dan guru serta kelulusan modul pula adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan KPM) bagi memastikan pelaksanaan aktiviti ini dapat dijalankan dengan baik.

"FELDA pula akan menyediakan latihan kepada guru-guru reka bentuk dan teknologi (RBT) kepada setiap sekolah yang terbabit bagi memastikan penyampaian serta pelaksanaan aktiviti kepada murid dapat dibuat secara berkesan," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Idris turut yakin bahawa inisiatif itu akan menjadi pemangkin transformasi komuniti luar bandar, selaras aspirasi keterangkuman menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan mengukuhkan semangat Keluarga Malaysia.